

PENERANGAN INFOGRAFIK

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Bahagian II : Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

Bahagian III : Fokus Utama Audit (Key Audit Area)

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

- a. Pengauditan pada tahun 2023 ini meliputi pengesahan terhadap 144 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022. Sehingga 11 Januari 2024, sebanyak 130 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah selesai pensijilan, 10 agensi dalam proses pengauditan dan empat agensi masih belum kemuka penyata kewangan.
- b. Sebanyak 116 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Seterusnya, 14 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion).
- c. Bagi penyediaan penyata kewangan tahun 2022, daripada 144 Agensi Persekutuan, sebanyak 122 Agensi Persekutuan telah menggunakan piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), 17 Agensi Persekutuan menggunakan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan baki lima Agensi Persekutuan menggunakan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS).

1.2. Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

a. Lebihan atau Kurangan Semasa

Pada tahun 2022, 80 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM54.677 bilion dan sebanyak 50 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM4.570 bilion.

b. Aset dan Liabiliti

Pada tahun 2022, kedudukan aset bagi 130 Agensi Persekutuan adalah berjumlah RM2.492 trilion manakala kedudukan liabiliti berjumlah RM903.613 bilion.

c. Geran Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 2022, 86 Agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM27.034 bilion. Selain itu, sebanyak 83 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan terkumpul yang belum dilunaskan berjumlah RM25.535 bilion. Lima Agensi Persekutuan yang menerima geran mengurus dan pembangunan tertinggi pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENERIMA
GERAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TERTINGGI PADA TAHUN 2022

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TERIMAAN (RM Bilion)
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	3.755
2.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	2.757
3.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1.944
4.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1.867
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	1.094
JUMLAH		11.417

d. Pinjaman

Pada tahun 2022, sebanyak 24 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman berjumlah RM123.137 bilion. Selain itu, empat Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5.338 bilion seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BAKI PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)
1.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3.465
2.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	0.767
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	0.686
4.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	0.420
JUMLAH		5.338

e. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Pada tahun 2022, sebanyak 53 Agensi Persekutuan mempunyai 234 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM56.128 bilion.

1.3. Fokus Utama Audit (Key Audit Area)

Fokus Utama Audit (Key Audit Area) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 adalah berkaitan usaha berterusan (going concern) di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) seperti berikut:

a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

- i. Pada tahun 2022, FELDA mengalami kerugian bersih tahun semasa berjumlah RM1.005 bilion seperti dinyatakan dalam Penyata Pendapatan. Kedudukan Tunai dan Kesetaraan Tunai FELDA pada 31 Disember 2022 adalah sejumlah RM0.808 bilion.

- ii. Geran Kerajaan yang diterima oleh FELDA pada tahun 2022 berjumlah RM0.214 bilion (2021: RM0.342 bilion). FELDA bergantung kepada bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan untuk menampung kos operasi dan liabiliti.
- iii. FELDA mempunyai komitmen yang tinggi untuk melunaskan pembiayaan yang diterima sehingga tempoh matang. FELDA memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan berjumlah RM7.973 bilion dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM0.686 bilion.
- iv. FELDA mempunyai komitmen bayaran balik Kemudahan Pembiayaan Tawarruq kepada sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) sejumlah RM50 juta setahun bagi tempoh lima tahun mulai tahun 2024. Baki bayaran balik berjumlah RM2.595 bilion perlu dibuat mengikut jadual dalam tempoh 15 tahun mulai tahun 2029.

b. Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

- i. PR1MA akan menghadapi kesukaran untuk memenuhi obligasi membuat bayaran balik sukuk berdasarkan kedudukan kewangannya.
- ii. Pada tahun 2022, PR1MA mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.257 bilion manakala liabiliti berjumlah RM5.746 bilion. Kedudukan Tunai dan Kesetaraan Tunai PR1MA adalah sejumlah RM0.428 bilion.
- iii. Baki pinjaman sukuk berjumlah RM3.792 bilion perlu dilunaskan hingga tahun 2027 termasuk Sukuk Tranche 2 berjumlah RM1.750 bilion yang akan matang pada bulan Oktober 2024. Keadaan ini menunjukkan PR1MA mempunyai komitmen bayaran balik sukuk yang tinggi hingga tahun 2027.

c. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

- i. LTAT tidak membuat penjejasan nilai terhadap pelaburan dalam syarikat subsidiari berjumlah RM0.812 bilion, iaitu Boustead Holdings Berhad berjumlah RM0.768 bilion dan Pharmaniaga Berhad berjumlah RM0.044 bilion. Perkara ini menyebabkan untung bersih dan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata berjumlah RM0.812 bilion.

- ii. Rizab LTAT berbaki negatif RM0.338 bilion pada tahun 2022.
- iii. LTAT telah merekodkan keuntungan bukan tunai sebanyak RM0.189 bilion yang telah digunakan sebagai asas untuk pembayaran dividen tahun 2022 kepada pencarum.